



Bank Pilihan Anda

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan produk Pajak Gadai-i. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini.

**BANK RAKYAT**  
**PEMBIAYAAN PAJAK GADAI-i**

Tarikh: \_\_\_\_\_

### 1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

- Produk ini menawarkan kemudahan pembiayaan berdasarkan gadaian dari barang kemas / barangan emas ("Marhun") oleh pelanggan.
- Marhun yang diterima perlu mempunyai mutu di antara 18 hingga 24 karat tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- Marhun di dalam bentuk patung keagamaan atau makhluk bernyawa tidak diterima sebagai barang gadaian.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Kemudahan pembiayaan adalah di bawah prinsip syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana Bank akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dengan harga kos, dan seterusnya Bank menjual komoditi tersebut kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada Harga Jualan (kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh. Berdasarkan kontrak Wakalah, Bank bertindak sebagai ejen belian (mewakili pelanggan) untuk membeli komoditi tersebut daripada Bank. Seterusnya, Bank mewakili pelanggan sebagai ejen jualan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga akan dimasukkan ke dalam akaun atau diberikan secara tunai kepada pelanggan.
- Rahn – menjadikan sesuatu aset sebagai cagaran / jaminan kepada pembiayaan.
- Komoditi di dalam transaksi ini merujuk kepada komoditi Patuh Syariah.

### 3. Adakah saya mempunyai pilihan untuk membuat ambilan fizikal ke atas komoditi yang dibeli?

- Ya, Tuan/Puan diberi pilihan samada untuk membuat ambilan fizikal komoditi tersebut atas tanggungan kos sendiri atau mewakilkan pihak Bank untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.

### 4. Apakah yang saya akan peroleh melalui produk ini?

- Jumlah harga jualan : RM \_\_\_\_\_
- Jumlah pembiayaan : RM \_\_\_\_\_
- Kadar keuntungan : \_\_\_\_\_ % setahun
- Tempoh pembiayaan : \_\_\_\_\_ bulan

### 5. Apakah tanggungjawab saya?

- Bayaran keuntungan perlu dibayar sebelum/pada tarikh matang keuntungan setiap (6) bulan pertama dan kedua.
- Jumlah Pembiayaan dan Bayaran Keuntungan ketiga/terakhir hendaklah dibayar penuh pada Tarikh Matang pembiayaan
- Jumlah keseluruhan pembiayaan pada tempoh \_\_\_\_\_ bulan adalah sebanyak RM \_\_\_\_\_.
- Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran adalah **DIBENARKAN** dan akan dikira sebagai bayaran ansuran seterusnya.
- Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran ini **TIDAK** akan memberikan sebarang kesan terhadap pengiraan kadar keuntungan akaun pembiayaan anda.
- **TIADA** caj dikenakan ke atas penjelasan/penebusan awal.

**Nota :** Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan terma dan syarat.

**6. Berapakah jumlah keuntungan yang perlu dibayar oleh saya?**

- Jumlah Keuntungan: RM \_\_\_\_\_

Formula penentuan kadar keuntungan = Nilai Marhun x (Kadar Keuntungan / RM100) x Tempoh Gadaian)

**7. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?**

- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang atau melelong/menjual Marhun yang digadaikan atau menggabung dan menyatukan kesemua atau mana-mana akaun pelanggan bagi menolak selesai liabiliti pelanggan terhadap Bank bagi tujuan tuntutan amaun tertunggak termasuk segala kos berkaitan melainkan mempunyai lebihan wang (sekiranya ada) setelah ditolak kadar keuntungan dan kos-kos lain.
- Perlaksanaan lelongan adalah seperti berikut: -
  - Barang kemas / barangan emas bagi kategori umum, Bank Rakyat akan melelong pada lelongan umum untuk atas kadar 90% nilai emas semasa dan sekiranya tiada pembida, seterusnya akan menjual kepada Rakyat Management Services Sdn. Bhd. (RMS) atas kadar 80% nilai emas semasa bagi menampung liabiliti pelanggan.
  - Barang kemas / barangan emas bagi kategori barang kemas / emas yang berlambang keagamaan atau ketuhanan, Bank Rakyat untuk menjual kepada Rakyat Management Services Sdn Bhd (RMS) atas kadar 80% nilai emas semasa untuk menampung liabiliti pelanggan.

**8. Bagaimana jika saya membuat penjelasan penuh sebelum tarikh matang?**

- Bank akan memberi Ibra' atas Keuntungan berdasarkan formula seperti berikut  
**Jumlah Penjelasan Awal = Baki Harga Jualan – Ibra'**  
**Ibra' = Jumlah Keuntungan – Keuntungan Terakru – Kos-Kos sebenar yang lain**  
**(Sekiranya ada)]**

**9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

- Tidak perlu.
- Barang gadaian yang masih berada dalam simpanan Bank (dalam tempoh pembiayaan) adalah dilindungi takaful melalui pembekal takaful yang dilantik oleh Bank". (Had perlindungan takaful adalah tertakluk kepada Nilai Marhun yang dinyatakan dalam Surat Akuan Gadaian.”).

**10. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?**

- Pelanggan bertanggungjawab memastikan Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan dibayar sepertimana yang dinyatakan dalam perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit.

**11. Adakah saya memerlukan penjamin?**

- Tidak perlu.

**12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?**

- Pelanggan perlu menghubungi kami dengan segera jika terdapat perubahan terhadap maklumat peribadi bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454 atau kunjungi mana-mana cawangan untuk mengemaskini maklumat peribadi.

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**



Bank Pilihan Anda

- Sekiranya anda mengalami kesulitan kewangan, anda perlu segera menghubungi pihak Bank untuk membincangkan berkenaan penyelesaian pembayaran alternatif.
- Anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK")**, telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Ibu Pejabat AKPK**  
**Kuala Lumpur**  
**Tingkat 5 dan 6**  
**Menara Aras Raya (Dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputera Commerce)**  
**Jalan Raja Laut**  
**50350 Kuala Lumpur**  
**Tel: 03-2616 7766**  
E-mail: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

14. Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?	15. Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:	16. Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:
<p>Sila rujuk risalah produk untuk butiran terperinci atau layari <a href="http://www.bankrakyat.com.my">www.bankrakyat.com.my</a></p>	<p><b>Pusat Panggilan di talian: 1-300-80-5454</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>7:30 pagi hingga 9:30 malam Talian dibuka untuk semua pertanyaan</li> <li>9:30 malam hingga 7:30 pagi Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad</li> </ul> <p>Atau</p> <p>Talian Antarabangsa: <b>+603 5526 9000</b></p> <p>Atau</p> <p>Talian Faksimili: <b>03-2264 7301</b></p> <p>Atau emel ke <a href="mailto:telerakyat@bankrakyat.com.my">telerakyat@bankrakyat.com.my</a></p>	<p><b>Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454</b></p> <p>atau menghantar aduan anda ke: <b>Unit Biro Aduan Awam, Khidmat Pelanggan, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral 50470 Kuala Lumpur</b></p> <p>atau e-mel ke: <a href="mailto:aduan@bankrakyat.com.my">aduan@bankrakyat.com.my</a>.</p> <p>atau hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: <b>Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur</b> Tel: 1-300-88-5465 Fax: 03-21741515</p> <p>E-mel: <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a></p>

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA TIDAK MELUNASKAN PEMBIAYAAN ANDA.**

- Produk ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat pada 25/10/2019.
- Helaian Pendedahan Produk ini mesti dibaca, difahami, diterima dan ditandatangani oleh pelanggan.
- Maklumat yang dinyatakan di dalam helaian pendedahan ini sah pada atau sehingga .....